

UCAPAN OLEH: DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD  
( PERDANA MENTERI )

UPACARA: MAJLIS JAMUAN MAKAN MALAM SEMPENA PERAYAAN JUBLI  
PERAK INSTITUSI JURUTERA MALAYSIA

TEMPAT: INSTITUSI JURUTERA MALAYSIA

TARIKH: 13 APR 1984

MASA:

Saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada  
Institusi Jurutera Malaysia kerana menjemput saya dan isteri  
saya ke majlis jamuan tahunan sempena Perayaan Jubli Perak  
Institusi ini.

2. Bersempena Perayaan Jubli Perak ini, saya difahamkan  
Institusi Jurutera Malaysia akan mengadakan seminar dan  
program-program untuk menunjukkan peranan yang dimainkan  
oleh para jurutera dalam pembangunan negara semasa suku abad  
yang lampau. Sebagai langkah mengisi kemerdekaan, rakyat  
telah dibekalkan dengan beberapa kemudahan seperti  
menambahkan jalan-jalan tar ke kampung-kampung dan memasang  
batang-batang paip di tepi-tepi jalan untuk bekalan air,  
merentang kawat-kawat letrik di atas tiang-tiang kayu bagi  
menghantarkan tenaga letrik ke kampung-kampung dan memajukan  
parit dan taliair seluas-luasnya seperti perairan Muda dan  
Tanjung Karang untuk meningkatkan pengeluaran bagi penanam  
padi.

3. Projek kejuruteraan yang besar juga seperti projek skim  
hidro-letrik, merentang kabel dasar laut telekom dari  
Kuantan ke Kuching, lapangan terbang antarabangsa juga telah  
dilaksanakan. Semenjak Merdeka hingga ke hari ini,  
sumbangan tenaga para jurutera kepada pembangunan negara  
tidaklah boleh dinafikan. Jurutera-jurutera di negara ini  
sama ada mereka di dalam perkhidmatan awam seperti JKR,  
Telekom, JPT dan LLN, atau dalam sektor swasta, patutlah  
berasa bangga kerana di mana saja mereka berada, mereka  
nampak tersergam hasil rekaan dan pembinaan yang mereka  
telah kendalikan. Semuanya adalah untuk kebahagiaan rakyat  
dan kemajuan negara. Perayaan Jubli Perak oleh para  
jurutera adalah kena pada masanya setelah memainkan peranan  
dalam konteks pembangunan negara selama suku abad. Kerajaan  
dan rakyat negara ini sentiasa menghargai sumbangan para  
jurutera terhadap kemajuan dan pembangunan negara ini.

4. Kita bercita-cita mewujudkan sebuah negara yang  
berjaya, dihormati dan bermaruah. Setiap sektor dan  
golongan rakyat di negara kita ini hendaklah memainkan  
peranan masing-masing untuk mewujudkan sebuah negara yang  
kita cita-citakan itu. Sebuah negara yang bermaruah  
bukanlah satu 'vision' yang abstrak, tetapi adalah satu  
hakikat yang perlu dibina dan dipupuk sehingga menjadi

nyata. Segala ilmu dan kepakaran, serta teknologi mestilah dikerah untuk maksud ini.

5. Di sini ingin saya berucap sedikit mengenai teknologi. Sebenarnya tidak ada satu negara atau satu bangsa yang menguasai semua teknologi yang terdapat di dunia ini. Bagi negara yang termaju sekalipun, ada teknologi yang tidak dikuasai olehnya dan terpaksa diperolehi dari negara lain. Pendek kata negara-negara adalah 'interdependent' dari segi teknologi. Oleh kerana itu, mempelajari teknologi dari negara lain bukanlah bermakna kita mundur atau tidak bebas, atau satu perkara yang hina. Jika kita ingin maju kita bukan sahaja perlu mempelajari teknologi dari orang lain, tetapi kita mesti sanggup berusaha sedaya upaya untuk menguasai teknologi yang diperlukan.

6. Di Malaysia kita sering mendengar kelohan tentang keengganan pihak orang asing memindah teknologi mereka kepada kita. Kita selalu menyalahkan orang lain kerana mereka tidak jujur dalam teknologi 'transfer' dan tidak mahu 'transfer' teknologi dengan sepenuhnya.

7. Yang pertama yang saya ingin perkatikan ialah kita amat 'naive' jika kita percaya orang lain akan memindahkan teknologi mereka dengan sepenuhnya kepada kita. Jika kita punyai teknologi, kita juga tidak berminat memindahkan sepenuhnya, bahkan separuh daripada teknologi kita kepada orang. Kenapakah kita boleh percaya bahawa kita berhak mendapat dengan sepenuhnya teknologi orang lain.

8. Yang kedua yang perlu saya perkatikan ialah walaupun negara-negara yang maju tidak berminat untuk memindah sepenuhnya teknologi mereka, tetapi pemindahan teknologi tetap berlaku juga dan beberapa negara yang dahulu tidak mempunyai teknologi, sekarang sudah menguasai berbagai teknologi dan mencapai kemajuan. Korea Selatan, Taiwan, Hong Kong dan juga Singapura sekarang memiliki teknologi yang diperolehi dari negara-negara maju dan berjaya menggunakan teknologi itu untuk bertanding dengan negara-negara maju. Dengan perkataan lain negara-negara ini berjaya mendapat teknologi dari orang lain dan menggunakannya dengan berkesan. Soalnya mengapa Malaysia begitu sukar mendapat teknologi? Apakah ada diskriminasi terhadap Malaysia.

9. Pada pendapat saya, tidak ada diskriminasi terhadap Malaysia, dan tidak ada sebab mengapa diskriminasi patut ada. Jika kita kaji diri kita sendiri, kita akan dapati sebabnya mengapa kita sukar mendapat teknologi orang.

10. Yang pertama, kita tidak sanggup membeli teknologi jika harganya mahal mengikut taksiran kita. Kita anggap harga membiayai harga teknologi yang tinggi. Kaedahnya samalah dengan membeli kapalterbang jenis 747 untuk penerbangan dari Kuala Lumpur ke Kuantan.

11. Yang keduanya, kita mahukan supaya teknologi diserahkan di

atas talam emas kepada kita. Kita hendak semua teknologi tanpa kita menyoal, bertanya, menyelidik, mengkaji dan mengikuti segala-gala yang ada kaitan dengan penguasaan teknologi yang kita minati. Dalam bidang binaan, umpamanya Dayabumi, Kerajaan menuntut supaya pihak pembina Jepun melatih ahli-ahli profesional dan tidak profesional dari Malaysia dalam semua bidang, daripada penggunaan 'steel-frame' sehingga ke pengurusan projek, iaitu memindah teknologi kepada kita. Malangnya tidak ramai orang kita yang berminat. Semua memberi 'excuse' atau alasan tidak ada masa. Ada yang berkata tidak ada apa yang hendak dipelajari. Tetapi hingga sekarang tidak ada syarikat 100% milik rakyat Malaysia yang boleh mengguna 'steel-frame construction' untuk membina bangunan sebesar Dayabumi dalam masa yang singkat sebagai syarat yang dikenakan. Peluang mendapat teknologi sudah terlepas kerana kita semua terlalu sibuk atau kita terlalu 'proud' untuk mempelajari dari orang lain.

12. Begitu juga dalam bidang-bidang lain. Hong Kong, Taiwan, Korea Selatan semua dapat meniru dan mereka-bentuk bermacam-macam barang termasuk komputer dengan menggunakan microchip dan lain-lain komponen elektronik. Malaysia telah menjadi pengeluar microchip yang terbesar di dunia tetapi tidak ada pengusaha tempatan yang mengguna microchip untuk apa-apa 'product'. Bahkan tidak adapun perusahaan tempatan yang boleh membekal perusahaan microchip kepunyaan syarikat asing dengan bermacam-macam keperluan asas mereka. Bagaimanakah Hong Kong, Taiwan dan Korea Selatan boleh memperolehi teknologi dan kita tidak?

13. Tidak ada gunanya kita selalu menyalahkan orang lain bila kita tidak dapat teknologi mereka. Pandanglah juga kepada diri sendiri. Apakah yang kita usahakan untuk mendapat teknologi. Apakah kita sudah menyediakan asas-asas pengetahuan kita supaya kita mudah memahami teknologi yang kita minati dan mengisi kekosongan kerana pemilik teknologi tetap akan menyembunyi sebahagian daripada teknologi mereka. Apakah kita sendiri sudah mengadakan kemudahan-kemudahan untuk 'Research and Development' yang mencukupi. Apakah badan-badan profesional kita sudah memberi galakan yang cukup untuk 'research projects and publication of the results in research papers by local professionals'.

14. Let us not kid ourselves into believing that the developed world feels that they owe us a living, that it is their bounden duty to help us compete against them. Let us not be so naive. They may help us at the basic level, but we have to use our own effort if we wish to take off. Let us not be too sensitive when some criticism is directed at us. Let us stop belly-aching. If we want to progress we will have to prepare ourselves as fully as possible to accept the new technology -- prepare spriritually and physically as well as in terms of the basic knowledge. In other words we need to change our attitudes and our approach towards the acquisition of new technology. We need to fight for new technologies; not to wait for them to fall into our

laps.

15. Another area which has drawn criticisms from Malaysians is the inroads made by foreign construction companies into the Malaysian construction industry. Let me say this loud and clear. The Government is not anxious to enrich foreigners, nor for that matter are the other Malaysian companies and institutions. But the fact is that when the Malaysian construction industry was confined to Malaysians there was a couldn't care-less attitude. Hardly any construction was finished on time. One high rise building in Kuala Lumpur took 8 years to complete. Cost over-runs was the rule and a 100% increase in the final cost was not unusual. There was no attempt made to impart on the job training to bumiputeras or even non-bumiputeras. Government's desire to see the New Economic Policy applied in practical terms was rejected, ignored or by-passed. No attempt was made to acquire and apply new technology. Project management was quite primitive, with contractors having too many jobs to give personal and sustained attention to any of the projects. The officers working on the sites were regarded as unimportant and therefore chosen from less skilled people.

16. With the advent of foreign contractors not only has new technology been brought in but project management is of a very high order. Despite language and bureaucratic difficulties, they have been able to meet their obligations. Frequently construction work is finished ahead of time. In one instance at least, a 7 year guarantee is given for any structural defects which may show up. Such is the impact of this invasion by foreign construction companies, that Malaysian construction companies have been forced to improve on their performance.

17. As I said, the Government is not anxious to enrich foreigners. We hope that what is happening now is temporary. We hope to see Malaysian companies acquiring the necessary skills and organisation to compete with foreign companies.

18. But let us acknowledge that the improvement of Malaysians companies cannot happen overnight. As a first step, there should be joint-ventures with foreign companies where Malaysian partners must shoulder fully their share of the risk and the work. They must be aggressive in order to get the know-how and the techniques. Eventually there should be purely Malaysian companies which are big enough even for full turn-key projects. And finally Malaysian companies should be able to go abroad and compete for construction work in other countries including America and Europe. This sounds like an impossible dream -- but anything is possible if we are prepared to face and overcome challenges. We have tackled rubber, palm oil, and cocoa, none of which are indigenous to the country -- and we have become the greatest in these fields. There is no reason why we cannot tackle other fields. Begin small, but set your

targets high. We may not hit the target, not in our lifetime, but we can come close to it. Remember when Malaysian Airlines first wanted to fly to London, there was so much scepticism. Everyone wanted our airline to stay domestic. But today we are flying 4 times a week to London. It would be unthinkable to have no MAS service to London. Yet it was once an impossible dream, or more correctly a fantasy.

19. The Government will play its role. We will be sympathetic. We will listen to your grouses and we will act where necessary. But if the Government seems to be acting against your interest, please remember that it is not from a desire to begin charity abroad. Sometimes it is necessary to jolt people out of their complacency and smug self-satisfaction. Unpopular though it may be, the Government must off and on apply the shock treatment.

20. What I say here is not meant for the engineers alone. It is meant for all Malaysians, professionals as well as non-professionals. As the Malay saying goes, "Yang bulat tidak datang bergolek, yang pipis tidak datang melayang". "What is round may not come rolling towards you, nor discs fly in your direction". If we want something we must go and get it.

21. We are what we deserve to be. If we are not prepared to work hard for ourselves then we deserve to be left behind. So, before we blame others, spare some thoughts for our own shortcomings and correct them.

22. I have said a mouthful. The forum may not be right one. Guests of honour do not usually deliver a lecture to their hosts. However we are in the process of changing the attitudes of the whole nation. The professionals are an important element of the nation. They cannot be left untouched in the process that we have embarked on. They too must change. And since I am always in a hurry I cannot wait for another occasion to bring the professionals in line with the current efforts at accelerating the pace of development of Malaysia.

23. Saya berterima kasih kepada Institusi Jurutera Malaysia kerana sudi mengurniakan 'Fellowship Kehormat' kepada saya. Ini merupakan satu penghargaan yang saya banggakan. Asas pemberian fellowship ini telah diterangkan oleh Yang Berbahagia Yang di-Pertua Institusi ini, dan saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan.

24. Akhir kata, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berbahagia Tan Sri Hassan dan ahli-ahli Jawatankuasa Institusi ini kerana menjemput saya ke Perayaan Jubli Peraknya ini. Kepada semua ahli Institusi Jurutera Malaysia, saya ucapkan selamat berbakti kepada negara dan masyarakat.

